

**Demo lagi - Hindraf HRP tunggu reaksi PM**  
**Malaysiakini.com**  
**February 28, 2011**

Parti Hak Asasi Manusia (HRP) menyalahkan polis yang membuat tangkapan terhadap penyokongnya dan ahli kumpulan Barisan Bertindak Hak-hak India (Hindraf) sebagai punca ramai yang tidak keluar berhimpun di KLCC semalam.

Presiden HRP W Sambulingam berkata sebelum ini, mereka telah memohon permit polis untuk mengadakan perhimpunan itu tetapi ditolak.

"Kenapa mereka tidak menunaikan hak kami untuk berkumpul secara aman mengikut Artikel 10 (Perlembagaan Persekutuan)?" soalnya.

Pada perhimpunan semalam, seramai 109 penyokong termasuk beberapa pemimpin utama HRP dan Hindraf ditahan polis.

Antara mereka, setiausaha sementara HRP, P Uthayakumar dan ketua penerangannya S Jayathas. Semua mereka dibebaskan lewat petang semalam.

Bercakap pada sidang media di ibu pejabat parti itu di Kuala Lumpur, Sambulingam berkata Hindraf boleh dikuburkan selepas kerajaan menyelesaikan masalah masyarakat India di negara ini yang mendakwa mereka dipinggirkan. Uthayakumar yang turut hadir sama juga bersetuju dengan pandangan rakannya berhubung perkara tersebut.

"Hindraf akan dikuburkan apabila masalah masyarakat India miskin diselesaikan. Cukup mudah... Selesaikan masalah (masyarakat) India, Hindraf akan pergi (dibubarkan).

"Kami memberi tips ini (untuk membubarkan Hindraf) kepada perdana menteri atau menteri dalam negeri, sekiranya mereka tidak mengetahuinya," kata Uthaya yang juga seorang peguam.

Menurut Uthaya, sebelum ini pihaknya telah menyerahkan satu memorandum kepada perdana menteri - ketika itu - Tun Abdullah Ahmad Badawi mengenai 18 tuntutan mereka. Katanya, memorandum yang dihantar sejak tiga tahun lalu kini masih belum ada sebarang maklum balas. Ini termasuk daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak - yang ketika itu menjadi timbalan perdana menteri - yang turut diberi salinan memorandum tuntutan mereka.

"Sekarang kita nak tahu, apa yang berlaku, apa yang telah dilakukan dan apa yang akan dilakukan (oleh kerajaan). Tidak ada memorandum lagi (selepas ini), buang masa... Kami ikhlas untuk membela kaum India yang miskin," katanya.

Uthaya berkata pihaknya akan bertemu dengan Najib sekiranya perdana menteri bersedia dan ikhlas menyelesaikan masalah masyarakat India. Ditanya sama ada, perhimpunan akan dianjurkan lagi selepas ini, Uthayakumar berkata pihaknya akan menunggu reaksi daripada perdana menteri dahulu. Kami mahu menyelesaikan masalah dengan cara baik... Kami mahu jawapan terhadap 18 tuntutan kami. Sekiranya beliau menyelesaikan masalah kami, maka tidak perlu kepada perhimpunan," katanya.

Pada sidang media yang sama, Sambulingam berkata seramai 14 orang lagi yang

penyokong kumpulan itu - yang mengadakan nyalaan lilin di Balai Polis Jinjang malam semalam - masih lagi ditahan di Balai Polis Bukit Jalil.

Katanya, beliau diberitahu seorang daripada mereka, remaja berumur 17 tahun - ditahan dan dibawa ke balai polis di Sungai Besi.

Bagiamanapun, Uthayakumar ketika dihubungi Malaysiakini jam 4.45 petang tadi berkata semua tahanan berkenaan telah dibebaskan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/157302>